

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN :      BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA        :      YB DATO' DR. NORAINI B. AHMAD (PARIT SULONG)**

**SOALAN**

**DATO' DR. NORAINI AHMAD [ PARIT SULONG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah terkini tangkapan ke atas sindiket yang menjual MyKad kepada warga asing dan apakah langkah Kementerian dengan kerjasama agensi lain untuk melakukan operasi besar-besaran dalam mengenalpasti dan membanteras warga asing yang memiliki MyKad ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan terhadap kes pengeluaran kad pengenalan kepada warganegara asing dengan secara salah. Berdasarkan siasatan pihak PDRM telah menangkap 20 orang yang dipercayai terlibat dengan sindiket tersebut bagi tujuan siasatan. Disamping itu, beberapa barang dan bahan bukti turut dirampas bagi melengkapkan siasatan seperti kereta, telefon bimbit, peralatan computer, pasport, kad pengenalan, salinan kad pengenalan dan sijil kelahiran, borang permohonan KPT, Buku Daftar Persuruhjaya Sumpah, beberapa dokumen JPN dan wang tunai.

Siasatan dijalankan di bawah Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 iaitu tinggal di Malaysia setelah pas/permit tamat atau dibatalkan, Seksyen 12 (1)(c) Akta Pasport iaitu menyamar atau mengaku dirinya dengan palsu, Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu dan Seksyen 26E Akta AntiPemerdangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 Pindaan 2010 iaitu dokumen perjalanan atau pengenalan diri fraud.

Satu Task Force telah ditubuhkan diberi nama Op Biru dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen bagi mengenalpasti dan mengesan warga asing yang terlibat dengan kegiatan ini. Setelah siasatan dijalankan seorang suspek yang merupakan penjawat awam telah dituduh di bawah Seksyen 26E ATIPSOM, Seksyen 466 Kanun Keseksaan dan Peraturan 25(1)(i) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara (PPPN) 1990. Manakala lima tangkapan lain merupakan ahli sindiket telah dituduh dibawah Seksyen 26E ATIPSOM. Keenam-enam suspek telah dituduh di Mahkamah Tinggi Georgetown, Pulau Pinang.

Memandangkan siasatan kes ini masih lagi berjalan, pihak PDRM tidak bercadang untuk mendedahkan apa-apa maklumat agar tidak menganggu PDRM dan Jabatan Pendaftaran Negara mengesan dalang dan pihak-pihak yang terlibat dalam kes ini.